



# 'Tiga tahun kewangan cekap'

## ■ Penjawat awam diminta bersabar dalam isu kenaikan gaji

**Mohamad Hussin**  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

### Serdang

**P**erdana Menteri berharap penjawat awam supaya dapat bersabar dalam isu kenaikan gaji kerana kerajaan hari ini berdepan masalah kewangan akibat bebanan hutang ditinggalkan kerajaan terdahulu.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pihaknya yakin dapat memulihkan semula keadaan itu dalam jangka masa tiga tahun bagi memastikan kewangan yang cekap supaya ia dapat mengurangkan kos pentadbiran dalam negara.

"Kita mengalu-alukan sikap Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan

Awam (CUEPACS) yang tidak bertindak ganas dan liar seperti di negara lain sebaliknya mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan. Sekiranya mereka bertindak demikian, ia akan merosakkan negara kita.

"Kita kena tahu kesan berhutang, kalau kita berhutang dan tidak mampu membayarnya maka kita akan jadi bankrap. Inilah yang menanti kerajaan hari ini.

"Kerajaan perlu kerjasama daripada anggota jentera kerajaan dan seluruh rakyat negara ini. Ada masanya mereka kena ikat perut untuk kita bayar hutang.

"Tidak guna naik gaji kalau

harga barangan pun naik. Kos sara hidup meningkat walaupun kita sudah menghapuskan GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Perhimpunan Perdana CUEPACS dan Pelancaran Program 'Menakafulkan Penjawat Awam' di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan Presiden CUEPACS Datuk Azih Muda.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yang lama meninggalkan hutang yang banyak hingga RMI trilion akibat pe-

nyelewengan yang dilakukan hingga mereka tidak mampu untuk membayarnya.

"Kita tidak boleh lupa sejarah, kata seorang pujangga barat mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi kesalahan mereka berkali-kali. Sebab itu kita tidak boleh mara ke hadapan dan tidak lupa sejarah negara kita.

"Justeru, kita terpaksa batalkan banyak projek yang besar daripada kerajaan terdahulu. Kalau kita hentikan projek yang lama, kita terpaksa membayar pampasan. Ini bermakna sebahagian daripada pendapatan negara adalah untuk membayar hutang.

"Sebab itu pembangunan negara berkurangan kerana kita mahu rakyat hidup lebih selesa," katanya.

**FAKTA**  
Kerajaan hari ini berdepan masalah kewangan akibat bebanan hutang ditinggalkan kerajaan terdahulu